

Wanita utamakan kritikan membina

Perwakilan patut beri cadangan bernas, jangan buat tuduhan melulu



Oleh Misiah Taib

"JANGANLAH ada carut mencarut, dan mencaci maki. Hindari hujah kotor semata-mata untuk menggelikan hati perwakilan. Ingatlah, itu bukan kerja kita. Adalah sikit 'joke' sana-sini tak apa...tapi jangan sekali-kali membuat tuduhan melulu.

"Kita harus membangkitkan fakta berdasarkan penyelidikan, tunjuk statistik dan beri cadangan. Kalau kita nak kritik sesuatu, beri cadangan supaya kita boleh petik cadangan yang bernas dan beri kepada kerajaan untuk tindakan."

Itu pesanan Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, yang mahu perwakilan Wanita menjelang Perhimpunan Agung Umno 2006 yang akan berlangsung Isnin hingga Jumaat depan, lebih fokus dan hanya melontarkan kritikan membina, jika ada niat mahu mengkritik.

Bagi beliau, tiada gunanya perwakilan melontarkan kritikan kosong, tanpa disusuli sebarang cadangan bernas. Sebaliknya setiap kritikan yang dilemparkan hendaklah kritikan membina.

Apa yang berlaku pada perhimpunan tahun lalu ketika isu permit import (AP) disentuh, bagi Rafidah bukan kritikan membina, tetapi lebih kepada kritikan melulu tanpa disusuli cadangan bernas.

"Tahun lalu ada perwakilan cadang suruh setiap bahagian Umno diagihkan 40 AP. Itu namanya nak suruh orang jual AP. Kita nak elak orang Melayu jual AP, itu sebab kita guna sistem francais.

"Ada pula yang suruh beri 40 AP satu bahagian. Setiap bahagian kena jual tiga kereta sebulan. Nak bayar gaji kerani pun tak cukup. Itu maknanya kita nak suruh Melayu jual AP...jadi ali baba. Kita nak ajar Melayu bisnes secara serius, bukan ajar jadi ali baba," katanya dalam wawancara di pejabatnya di Kuala Lumpur, semalam.

Perhimpunan perwakilan Wanita Umno kali ini juga mengambil pendekatan selari dengan perhimpunan agung parti dengan merangkumkan usul ekonomi dan pendidikan serta agama dan sosial, bagi menjamin masa.

Baginya, tiada guna membuat pecahan usul terlalu banyak kerana ada kalanya subjek yang disentuh bertindih, sebaliknya apa yang lebih penting ialah fokus harus diberikan kepada membahaskan ucapan dasar Presiden bagi perhimpunan induk.

Tanpa mahu menyentuh secara terperinci usul yang akan dibentangkan Wanita, Rafidah berkata apa yang disentuh membabitkan kepentingan umum, parti dan negara.

"Saya tak boleh nak jangka apa perwakilan akan sentuh, kalau ikut trend, perhatian dan pemikiran Wanita, rasanya isu kritikan Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan turut disentuh, selain isu kepentingan Melayu, agenda Melayu, kuota Melayu dan isu bangsa," katanya.

Ada juga isu semasa dan sensitif yang mungkin tidak akan disentuh oleh Wanita, bukan kerana dilarang berbuat demikian, tetapi kerana Rafidah dan Naib Ketua Pergerakan, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil yang menganggotai Kabinet, sudah menjelaskan kepada ahli mengenai keputusan

dan tindakan Kabinet mengenai isu-isu berkenaan.

Kalau pada perhimpunan tahun lalu beliau tidak gentar menghadapi sasaran perwakilan yang membangkitkan isu AP, tahun ini tiada bezanya, kerana baginya beliau seorang yang berpegang kuat kepada prinsip 'berani kerana benar'.

Kemungkinan isu sama akan terus dibangkitkan berikutan kritikan berterusan Dr Mahathir, namun bagi Rafidah itu hak perwakilan, dan bagi Wanita Umno, AP bukan lagi satu isu kerana penjelasan sudah diberikan mengenainya.

"Saya nak cakap buat kali terakhir...dalam agama mengatakan fitnah itu lebih buruk daripada membunuh. Tuduhan terhadap saya, kecurangan mengeluarkan AP, tuduhan rasuah, saya keluarkan AP se-wenang-wenangnya...saya anggap fitnah semata-mata dan saya serah kepada Allah SWT menentukannya.

"Saya dah jelaskan di Parlimen, di Perhimpunan Agung Umno lalu. Saya dah beri segala bukti kepada Perdana Menteri dan Kabinet. Saya dah tak larat minta pegawai saya korek balik semua fail dan keluarkan semua kertas kerja atas setiap pengagihan AP terbabit, termasuk minit mesyuarat dan keputusan, bukan oleh saya, tapi oleh jawatankuasa.

"Saya dah terang kepada Perdana Menteri supaya beliau tidur lena dengan kepercayaan bahawa semuanya teratur. Saya bersaksikan Allah SWT dan saya tidak boleh terima sesiapa yang mencurigai integriti saya," katanya.

Menyentuh sentimen akar umbi isu kritikan Dr Mahathir terhadap Abdullah, Rafidah bertegas bahawa taat setia Wanita kepada pemimpin tidak berbelah bahagi kerana itu memang disiplin yang dipegang kuat oleh Wanita demi perpaduan parti sejak dulu lagi.

Ahli pergerakan itu secara terang-terangan menganggap tidak wajar sesiapa pun melakukan kritikan terbuka, apa lagi memperkecilkan kerajaan yang ada sekarang, melakukan kritikan yang boleh menjejaskan

kepentingan Melayu, kepemimpinan Melayu, mengkritik parti Melayu dan kerajaan yang bertunjangan Melayu.

Apa yang menyedihkan bagi beliau ialah kritikan itu turut menjejaskan imej negara kerana dalam lawatannya ke luar negara, pemimpin politik dan pemerhati politik luar negara, ramai yang bertanya "mengapa Dr Mahathir mengkritik kerajaan yang per nan diterajui selama 22 tahun" dan bukannya bertanya "mengapa kerajaan sekarang, Rafidah cukup kerajaaan dikritik". Ini menjejaskan kredibiliti Dr Mahathir sendiri, bukannya kerajaan.

Tindakan Dr Mahathir merakam pertemuan empat mata dengan Abdullah menjelang Aidilfitri lalu juga cukup menyedihkan bagi Rafidah kerana perbincangan empat mata seharusnya berlangsung secara ikhlas tanpa perlu dirakam dan dihebahkan pada sidang media, sambil mendakwa tindakan Dr Mahathir itu menyebabkan penyelesaian yang sepatutnya dicapai, gagal terhasil, sebaliknya memburukkan lagi keadaan.

Justeru pada perhimpunan induk Rafidah percaya isu berkenaan akan dibangkitkan perwakilan kerana perasaan perwakilan tidak boleh dibendung, apa lagi orang Umno memang sayangkan parti, sayangkan bangsa, sayangkan pemimpin mereka.

Anggota Majlis Tertinggi Umno (MT) paling lama itu juga menjelaskan tanggapan bahawa ketika Dr Mahathir mengumumkan hendak bersara beliau pemimpin paling emosi melarang Dr Mahathir berbuat demikian dan kini beliau antara paling lantang dalam memberi kenyataan membidas bekas Perdana Menteri itu.

"Saya seorang yang ada prinsip. Bila Dr Mahathir nak berhenti dulu, tak ada sebab dia nak berhenti, jadi saya tanya mengapa beliau nak berbuat demikian. Tapi sekarang orang sama mengkritik Perdana Menteri, mengkritik kerajaan dan Umno. Takkan kita nak terima bulat-bulat macam orang bodoh benda yang tidak betul dan melampau batasan," katanya yang menjadi

MT sejak 1975.

Mengenai isu ekonomi, Rafidah yakin perwakilan akan turut menyentuh mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) apa lagi ini adalah perhimpunan pertama selepas RMK-9 dan Misi Nasional dilancarkan.

Menerajui pergerakan Wanita sejak 1980 sebelum 'berehat tiga tahun' apabila tewas tipis kepada Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, dan kembali menerajui Wanita selepas itu hinggalah sekarang, Rafidah cukup masak dengan asam garam politik dan meyakini bahawa perwakilan Wanita cukup peka terhadap isu penting yang menyentuh soal pembangunan.

Apa yang paling menggembirakan beliau ialah semakin ramai perwakilan Wanita membuat penyelidikan, memberi angka, memberi contoh berdasarkan statistik untuk mempertahankan hujah mereka pada perhimpunan lalu dan yakin tahun ini prestasi lebih baik akan disajikan perwakilan.

Baginya suara Wanita yang mempunyai keahlian paling ramai dalam parti dari menjadi tulang belakang parti, berjaya memperjuangkan nasib wanita di negara ini sejak merdeka lagi sehingga semakin banyak tempat diberikan kepada wanita termasuk kuota tiga menteri Kabinet Melayu sekarang yang dianggap cukup besar, berbanding kaum lain yang tidak mempunyai menteri penuh wanita, selain jawatan-jawatan kanan lain dalam badan kehakiman, institusi Pengajian tinggi awam, sektor awam dan swasta.

"Itu hasil perjuangan Wanita. Kita kerja kuat dan tak cakap banyak. Kita buat saja. *We make it happen*," katanya.

Mengenai kedudukannya sendiri yang sudah 23 tahun menerajui Wanita Umno, Rafidah berkata beliau akan berkhidmat selagi khidmatnya diperlukan.

Ditanya tidak letihkah kerana terlalu lama dalam politik, spontan Rafidah menjawab: "Kalau kita suka kerja yang kita buat, kita tak akan letih. Kita akan letih jika kita tak suka dengan kerja kita."